

17/05/1999

Pemulihan ekonomi negara agenda utama kerajaan

Zulkefli Salleh

KUALA LUMPUR: Dengan hanya tinggal kira-kira setahun lagi tempoh masa Parlimen sekarang, soalan yang paling kerap ditanya kini ialah bilakah pilihan raya umum akan diadakan?

Adakah pilihan raya umum akan diadakan tahun ini atau tahun depan, selewat-lewatnya Jun 2000 kerana pilihan raya umum lepas berlangsung pada April 1995.

Bagaimanapun dapat dilihat bendera lambang parti terutama kepunyaan pembangkang, yang tidak mahu dikejutkan tanpa persediaan, sudah dinaikkan di sana sini dan ceramah politik diperhebatkan.

Bagi mereka yang berkira-kira pilihan raya akan diadakan pada bila-bila masa saja sekarang, memilih tempoh sebulan dua inilah, masa yang terbaik bagi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membubarkan Parlimen bagi mengadakan pilihan raya umum. Asas perkiraan mereka ialah:

- * Parti pembangkang DAP sedang berkecamuk akibat krisis yang dikatakan berpunca daripada rasa tidak puas hati terhadap kepemimpinan Setiausaha Agung Lim Kit Siang. Sekumpulan bekas orang kuat DAP diketuai bekas anggota Parlimen Bukit Bintang Wee Choo Keong baru-baru ini menubuhkan parti alternatif Malaysia Democratic Party (MDP).

- * Parti Keadilan Nasional (KeAdilan) pimpinan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, dikatakan belum tersusun. Landasan perjuangan parti ini belum jelas dan perlu masa mencari calon sesuai untuk bertanding dalam sistem pilihan raya yang faktor calon penting dalam menentukan kemenangan parti.

- * Ekonomi negara sedang menunjukkan pemulihan dengan unjuran pertumbuhan 1 peratus bagi tahun ini.

- * Anwar yang dipecat dari Umno September lalu dan cuba mencetuskan gerakan 'reformasi' sedang menjalani hukuman penjara enam tahun setelah didapati bersalah atas empat tuduhan rasuah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 14 April lalu.

- * Umno dalam keadaan stabil kerana tiada pemilihan parti tahun ini. Pemilihan yang sepatutnya dilangsungkan Jun ini ditangguhkan ke Disember tahun depan.

Bagaimanapun bagi mereka yang menduga-duga pilihan raya tidak akan diadakan tahun ini, berpendapat Dr Mahathir mahu supaya proses pemulihan ekonomi negara berjalan tanpa terganggu oleh pilihan raya.

Pilihan raya pada sifatnya dikatakan memang ada sedikit sebanyak unsur 'destruktif' dan pemulihan ekonomi boleh terganggu oleh kejadian yang tidak diinginkan yang boleh berlaku dalam sesuatu pilihan raya.

Juga, adalah lebih baik bagi kerajaan meminta mandat baru daripada rakyat tahun depan selepas unjuran pertumbuhan ekonomi satu peratus, diketahui dengan pasti pada suku pertama tahun 2000.

"Agenda utama kerajaan pada masa ini ialah untuk memulihkan ekonomi negara," kata Prof Datuk Mahadzir Khir dari Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Beliau tidak menjangkakan pilihan raya diadakan tahun ini kerana kerajaan sekarang masih boleh berfungsi sebagai pentadbiran yang efektif khususnya untuk menangani masalah ekonomi.

Kaedah-kaedah yang digubal oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) seperti kawalsan modal terpilih sedang menunjukkan hasil dan pasaran saham memberi isyarat positif.

Mahadzir berkata isu Anwar sedikit sebanyak menimbulkan reaksi

masyarakat dan parti pembangkang mengambil kesempatan untuk memperkecilkan keupayaan pemerintah sehingga timbul `kegawatan persepsi' di kalangan rakyat.

"Jadi Umno sebagai tunggak BN harus mengambil beberapa perkiraan untuk mempertahankan majoriti dua pertiga BN. Umno harus memastikan ia dalam satu paduan terlebih dahulu ..." katanya.

Mahadzir juga berpendapat kerajaan BN sekarang harus diberi peluang membentangkan belanjawan negara '99 di Parlimen yang kebiasaan dilakukan pada Oktober untuk meneruskan langkah-langkah pemulihan ekonomi.

Beliau berpendapat pihak pembangkang yang memang cenderung supaya pilihan raya diadakan tahun ini, dapat menggunakan kegawatan ekonomi bagi menonjolkan beberapa aspek pentadbiran yang dikatakan gagal.

"Tetapi mereka tidak memperlihatkan kepada rakyat faktor-faktor luar yang menyebabkan masalah ekonomi negara," katanya.

Anggota Parlimen Parit Buntar, Abdul Rahman Sulaiman juga tidak menduga pilihan raya akan diadakan tahun ini kerana kerajaan mahu menumpukan kepada pemulihan ekonomi.

"Pertumbuhan sebenar ekonomi tahun ini akan diketahui pada awal tahun depan. Rakyat akan berada dalam keadaan lebih baik untuk menilai dan membuat pemilihan pada masa itu," katanya.

Abdul Rahman juga menolak kemungkinan parti KeAdilan dapat meninggalkan kesan terhadap pola pengundian pada pilihan raya akan datang kerana landasan perjuangan parti itu belum jelas.

Beliau yakin `kegawatan' persepsi masyarakat yang ditimbulkan oleh isu Anwar akan dapat diatasi oleh Umno.

Parti-parti pembangkang baru-baru ini mencapai persetujuan mengadakan pakatan untuk menghadapi BN dalam pilihan raya akan datang untuk sekurang-kurangnya mengurangkan majoriti dua pertiganya kalau pun tidak menumbangkannya.

Bagaimanapun Ghazali Mydin, pensyarah Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Kemasyarakatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia tidak menolak kemungkinan pilihan raya diadakan lebih cepat dari April 2000.

Katanya petunjuk ekonomi sekarang seperti pasaran saham adalah positif dan ini boleh menggalakkan kerajaan mengadakan pilihan raya.

"Kalau dilambat-lambatkan, kita tidak tahu apa yang akan berlaku selepas September," katanya.

Berdasarkan pengalaman lalu, sejauh mana pilihan raya menjejaskan ekonomi negara adalah bergantung kepada keyakinan pelabur dan golongan pengusaha.

"Pada pilihan raya 1995 tidak ada kesan negatif pada ekonomi sebab wujud keyakinan di kalangan usahawan dan pelabur," katanya.

Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Syed Amin Al Jafri berpendapat pilihan raya umum jika diadakan sekarang tidak akan menjejaskan pemulihan ekonomi.

Memandangkan pilihan raya sudah dekat, pihak-pihak tertentu akan terus mengambil kesempatan memporak-peranda kita dengan mempengaruhi orang ramai menggunakan isu-isu tertentu, katanya.

"Everybody loves a winner. Saya yakin BN akan memenangi pilihan raya dan suara-suara yang selama ini mengkritik kerajaan terpaksa akur," katanya. - Bernama

(END)